

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK HAJAH NORAH BINTI AHMAD
[TANJUNG MANIS]

TARIKH JAWAPAN : 20 OKTOBER 2016 (KHAMIS)

SOALAN

Datuk Hajah Norah Binti Ahmad minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan apakah tindakan Kementerian mengenai isu penukaran nombor akaun TNB yang menyebabkan sesetengah pengguna mengalami masalah pembayaran dengan bank dan sama ada Kementerian akan menubuhkan Jawatankuasa Inovasi Pembayaran di antara pihak-pihak berkepentingan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Pihak Kementerian melalui Suruhanjaya Tenaga (ST) sentiasa memantau dengan rapi isu pertukaran nombor akaun bil elektrik Tenaga Nasional Berhad (TNB). Pertukaran nombor akaun bil elektrik daripada 14 digit kepada 12 digit adalah merupakan sebahagian daripada proses menaik taraf sistem pengebilan sedia ada TNB. Penaiktarafan ini merupakan inisiatif jangka panjang TNB dalam menyediakan akses dan perkhidmatan yang lebih baik kepada pelanggan.

2. Walau bagaimanapun, proses pertukaran nombor akaun ini tidak memerlukan sebarang intervensi daripada pengguna-pengguna elektrik kerana pembayaran bil elektrik yang dibuat ke nombor akaun lama 14 digit akan dikemaskini secara automatik ke dalam nombor akaun baharu pelanggan tersebut. Ini bagi memastikan pelanggan TNB tidak menghadapi kesulitan membuat pembayaran sama ada di bank, pejabat pos, kiosk TNB dan mana-mana ejen kutipan bil elektrik TNB yang sah. Namun, sekiranya pelanggan menghadapi sebarang kesulitan

disebabkan oleh pertukaran nombor akaun ini, pelanggan bolehlah menghubungi TNB Careline di talian 1300885454.

3. Dalam hubungan ini, Kementerian berpandangan bahawa tiada keperluan untuk menubuhkan Jawatankuasa Inovasi Pembayaran antara pihak-pihak yang berkepentingan buat masa ini. Walau bagaimanapun, Kementerian telah meminta TNB meningkatkan sesi libat urus dengan semua pengguna bagi memastikan kelancaran pelaksanaan penukaran nombor akaun bil elektrik TNB termasuk menyelesaikan sebarang masalah yang dihadapi oleh pelanggan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : TAN SRI DATO' SERI ABD KHALID BIN
IBRAHIM [BANDAR TUN RAZAK]**

TARIKH : 20 OKTOBER 2016 (KHAMIS)

SOALAN : 20

Tan Sri Dato' Seri Abd Khalid bin Ibrahim [Bandar Tun Razak] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan perincian tahunan antara 2000-2015 bagi penggunaan semua mod pengangkutan awam iaitu darat termasuk rel, dan udara seperti bilangan penumpang/pengguna purata harian berdasarkan kewarganegaraan serta kos perbelanjaan penambahbaikan dan penggantian.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, mengikut rekod-rekod yang diperolehi daripada Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat dan Operator Lapangan Terbang Negara, purata tahunan penggunaan semua mod pengangkutan awam iaitu darat termasuk rel, dan udara adalah seperti berikut:-

- a) dianggarkan seramai 250.8 juta orang menggunakan perkhidmatan pengangkutan bas di Semenanjung Malaysia bagi tempoh 2012 hingga 2015;
- b) dianggarkan seramai 37.3 juta orang menggunakan perkhidmatan pengangkutan rel bagi tempoh 2000 hingga 2015; dan
- c) dianggarkan seramai 52.3 juta orang menggunakan perkhidmatan pengangkutan udara bagi tempoh 2000 hingga 2015.

Berdasarkan rekod-rekod yang diperolehi, purata tahunan kos perbelanjaan penambahbaikan dan penggantian bagi bagi mod-mod pengangkutan awam yang terbabit adalah seperti berikut:-

- a) dianggarkan sebanyak RM 141.82 juta telah digunakan untuk perkhidmatan pengangkutan bas bagi tempoh 2012 hingga 2015; dan
- b) dianggarkan sebanyak RM 387.85 juta telah digunakan untuk perkhidmatan pengangkutan rel bagi tempoh 2012 hingga 2015.